

Pos Malaysia lancar setem GEN.2

UM 22 MAR 2005

PUTRAJAYA 21 Mac — GEN.2, model kereta nasional pertama menggunakan enjin CAMPRO buatan tempatan yang menjadi kebanggaan negara kini diabadikan dalam setem khas terbitan Pos Malaysia Berhad.

Pelancaran setem pos khas GEN.2 yang melambangkan generasi baru kereta nasional itu disempurnakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga Penasihat Proton di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Setem kenang-kenangan keluaran terhad ini yang boleh didapati pada harga 30 sen, 50 sen dan RM1, di samping sampul surat hari pertama yang dijual pada harga RM4 dan buku setem (RM3) jelas mendapat sambutan hangat apabila sejak dikeluarkan 7 Mac lalu, jualan kini mencecah RM100,000.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dalam ucapannya melahirkan rasa bangga kerana Pos Malaysia Berhad sekali lagi memastikan kitaran industri pembuatan kereta Malaysia sentiasa diingati dengan mengabadikannya dalam koleksi setem yang menarik.

Ini merupakan kali ketiga setem pos khas melibatkan kejayaan Proton diterbitkan dengan edisi pertama memaparkan Proton Saga dilancarkan pada Julai 1985 manakala edisi kedua pada 2001 menggambarkan siri kereta nasional keluaran Proton dan Perodua, di samping TD 2000 dan Inokom Permas.

Pos Malaysia Berhad juga pernah mengeluarkan buku setem mengenai kereta Proton pada 1995.

“Dengan pelancaran setem khas terbaru

oleh Pos Malaysia Berhad memaparkan GEN.2, kita berharap generasi akan datang dapat diperingatkan bukan sahaja tentang pencapaiannya tetapi mampu membina keyakinan untuk bermimpi dan merealisasikannya,” kata Keng Yaik.

Pencapaian

Hadir sama Pengerusi Kumpulan Proton Holdings Berhad, Datuk Mohd. Azlan Hashim dan Pengerusi Pos Malaysia Services & Holdings Berhad, Tan Sri Adam Kadir.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Proton Holdings Berhad, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff menyifatkan kejayaan Proton terpilih untuk dipaparkan dalam setem khas merupakan satu penca-

paian dan menggambarkan komitmen serta sumbangan syarikat kepada pembangunan negara.

“Setem khas ini bukan sekadar untuk mempamerkan GEN.2. Imej kereta yang dipaparkan pada setem merupakan pernyataan kepada dunia bahawa Proton benar-benar telah memasuki arena automotif global,” katanya.

Setiap tahun, beberapa siri setem dikeluarkan oleh Pos Malaysia Berhad melibatkan pelbagai tema berbeza tetapi hanya 15 tema dipilih daripada sejumlah besar cadangan yang dikemukakan.

Bagi setem pos khas GEN.2, Pos Malaysia Berhad mencetak sejuta keping setem 30 sen, 150,000 setem 50 sen dan 130,000 setem RM1.